

# ‘Graduan tulang belakang pembangunan negara’

DE 24.11.2019 3

KOTA KINABALU: Graduan merupakan tulang belakang kepada pembangunan kerana kebijaksanaan mereka akan membawa kepada kemajuan negara.

“Ilmu merupakan pelita kepada kehidupan di mana individu yang mencari ilmu akan dipandang tinggi sejak zaman berzaman, serta menjadi rujukan masyarakat di sekeliling.

“Dalam hal ini juga graduan perlu bijak dalam berfikir, tidak menunjuk dan bangga diri sehingga menyinggung perasaan orang tua dan masyarakat sekeliling,” kata Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin semasa mengisytiharkan Majlis Konvokesyen UMS ke-21 Tahun 2019.

Juhar turut menyampaikan penganugerahan ijazah kepada graduan-graduan di Dewan Canselor UMS, pada Sabtu.

Dalam pada itu, Juhar juga menjelaskan peranan ibu bapa amat penting sebagai pembakar semangat dan mendorong anak-anak melanjutkan pelajaran meski terdapat halangan dan masalah yang dihadapi.

Majlis kali ini menyaksikan seramai 4,159 graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana



**JUHAR menyampaikan skrol kepada salah seorang penerima.**

Muda dan Diploma masing-masing sepanjang tiga hari majlis ini berlangsung.

Turut disampaikan adalah, Anugerah Pelajaran Diraja yang diberikan kepada Mohd Hardyanto Vai Bahrin dari Fakulti Kejuruteraan dan Yeoh Ying Shim dari Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan.

Sementara itu, Pingat Emas Canselor dianugerahkan kepada Lim Pei Sing dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan manakala Pingat Emas Naib Canselor pula diberikan kepada Wong Jia En dari Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan.

Bagi Pingat Emas Alumni pula, diberikan kepada Yeoh Keng Hzhou dari Fakulti Komputeran dan Informatik.

Hadir sama, Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Taufiq Yap Tun Hin, Ahli-ahli Lembaga Pengarah UMS, Duta dan Konsul, Naib-naib Canselor Universiti Awam, ibu bapa dan ahli keluarga graduan.